

Malaysia kecewa negara guna Selat Melaka tidak menyumbang

Daripada ZULKIFLI ABDULLAH

SEOUL 13 Mac - Malaysia kecewa dengan negara-negara pengguna Selat Melaka kerana tidak menyumbang bantuan yang setimpal untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan selat berkenaan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sukar untuk diterima jika negara terbabit menyifatkan mereka berhak menggunakan laluan itu tetapi tidak mahu bertanggungjawab terhadap keselamatannya sebaliknya diserahkan kepada Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan menegaskan, biarpun soal menjaga keselamatan di selat sepanjang 885 kilometer itu tetap menjadi tanggungjawab negara pesisir namun penglibatan komuniti antarabangsa juga perlu untuk memastikan keselamatannya.

"Dengan mengambil kira kepentingan semua pihak, pelbagai pandangan yang menentang dan perspektif berbeza (mengenai Selat Melaka) untuk mengurangkan ancaman keselamatan di selat itu harus diselesaikan secara konsensus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk *Keselamatan Selat Melaka dan Implikasi Terhadap Keselamatan di Rantau Asia Tenggara* anjuran Kedutaan Malaysia dan Institut Hal Ehwal Luar Negara dan Keselamatan Kebangsaan Korea (IFANS) di sini, hari ini.

Selat Melaka merupakan laluan utama kepada kegiatan ekonomi di rantau ini dengan 30 peratus daripada perdagangan dunia dan

UM - 14/3/2007
separuh daripada kapal tangki minyak yang dianggarkan membawa 11 juta tong minyak sehari menggunakan laluan tersebut.

Ia juga menjadi laluan penting kepada negara Asia Timur termasuk Korea Selatan dengan 90 peratus daripada kapal yang menggunakan laluan tersebut menuju ke negara berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, Selat Melaka akan terus menghadapi pelbagai cabaran sama ada yang ada sekarang dan masa depan.

"Sudah menjadi satu keperluan pembentukan satu rangka tindakan yang melibatkan kerjasama antara negara pesisir dengan pihak terbabit (pengguna Selat Melaka) agar mereka dapat bertindak secara proaktif daripada mengikut doktrin yang pasif," ujarnya.


Najib berkata, kejadian serangan kapal di selat itu berkurangan daripada 19 kes pada tahun 2005 dan tahun lalu menurun kepada 11 kes.

Beliau menegaskan, kejadian serangan lanun itu tiada kaitan dengan kumpulan pengganas seperti mana didakwa oleh masyarakat maritim.

Katanya, Selat Melaka adalah antara laluan yang agak sibuk dan dilaporkan sebanyak 62,600 kapal melaluinya sepanjang 2005 berbanding 44,000 kapal pada 1999 iaitu peningkatan sebanyak 42 peratus.

Dianggarkan lebih 100,000 kapal akan menggunakan laluan di selat tersebut pada dekad akan datang dan ini sudah pasti membebaskan negara-negara pesisir berkenaan terutama daripada aspek keselamatan.

- Utusan



NAJIB Tun Razak (tengah) menerima ucapan tahniah daripada para peserta selepas menyampaikan ceramah bertajuk *Keselamatan Selat Melaka dan Implikasi Terhadap Keselamatan di Rantau Asia Tenggara* di Seoul, semalam.

- Bernama